

MAJLIS PERBARISAN SEMPENA HARI MARITIM MALAYSIA KE-7

16/02/2012

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TA'ALA HIWABAROKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1 MALAYSIA.

TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA PENGACARA MAJLIS.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB MENTERI BESAR PAHANG DAN ISTERI, YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN SRI DIRAJA DATO' HAJAH JUNAINI BINTI KASSIM

YANG BERHORMAT DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN ISTERI, YANG BERBAHAGIA DATIN NORAINI BINTI SULAIMAN

YANG BERBAHAGIA LAKSAMANA MARITIM DATUK MOHD AMDAN BIN KURISH, KETUA PENGARAH MARITIM MALAYSIA, DAN ISTERI, YANG BERBAHAGIA DATIN SITI ZAWIYAH BINTI AHMAD

DIF-DIF JEMPUTAN, KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DI NEGERI PAHANG, PEGAWAI-PEGAWAI KANAN APMM, PARA MEDIA, HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN.

1. ALHAMDULILLAH, SAYA INGIN MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA DENGAN BERKAT KEIZINAN DAN LIMPAH KURNIANYA, DAPAT KITA SEKALI LAGI BERTEMU DALAM SEMANGAT MERAIKAN SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN MARITIM MALAYSIA YANG KE-7. DENGAN HATI YANG TULUS IKHLAS, MEWAKILI SELURUH KEPIMPINAN NEGARA, IZINKAN SAYA MERAKAMKAN UCAPAN SELAMAT HARI MARITIM MALAYSIA KEPADA SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA MARITIM MALAYSIA DI SELURUH NEGARA.

2. SESUNGGUHNYA HARI INI MERUPAKAN HARI YANG ISTIMEWA DAN SAYA BERHARAP IA AKAN MENJADI HARI UNTUK SETIAP ANGGOTA MEMPERBAHARUI AZAM DAN TEKAD MASING-MASING, SETERUSNYA MENJADI PEMANGKIN KEPADA PROSES TRANSFORMASI YANG SEDANG BERLAKU BAGI MENINGKATKAN LAGI KECEMERLANGAN DAN MARTABAT AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA.

3. SAYA TELAH BERSAMA-SAMA DENGAN AGENSI INI SECARA LANGSUNG MELEBIHI DARI TIGA TAHUN. SEPANJANG TEMPOH ITU, SAYA BERPELUANG UNTUK MENDEKATI DAN MEMAHAMI APMM DENGAN LEBIH MENDALAM. SAYA JUGA TELAH DAPAT MENDALAMI KEKUATAN YANG DIMILIKI OLEH

AGENSI INI DAN MENGINSAFI KEKURANGAN, YANG ADA KETIKANYA MERUNTUN PRESTASI SERTA MENCORENG IMEJ AGENSI INI. BIAR APA PUN LEKEHAN PIHAK-PIHAK TERTENTU, APMM TETAP MERUPAKAN AGENSI PENGUAT KUASA YANG DIWUJUDKAN OLEH KERAJAAN BAGI MENDEPANI BENTENG KEDAULATAN DAN KESELAMATAN PERAIRAN NEGARA KITA. SAYA YAKIN, DI SEBALIK USIA MUDA YANG BARU SAHAJA MELANGKAH KE TAHUN KETUJUH, RATA-RATA RAKYAT TEMPATAN DAN SEBAHAGIAN MASYARAKAT ANTARABANGSA TELAH MENGIKTIRAF DAN MENGHARGAI PERANAN APMM. SAYA IBARATKAN PERKEMBANGAN INI SEPERTI PERIBAHASA MELAYU: ‘UMPAN KECIL, IKAN BESAR’.

4. JUSTERU ITU, SAYA MENYERU SELURUH WARGA APMM AGAR TERUS MEMUPUK AZAM DAN TEKAD MEMPERTINGKATKAN USAHA TRANSFORMASI MEMBAWA AGENSI INI KE PERSADA YANG DIHORMATI DAN DIKAGUMI. DEMI ASPIRASI ‘RAKYAT DIDAHULUKAN DAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN’, SAYA SENTIASA BERSEDIA BERKHIDMAT BERSAMA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, MENGANGKAT KREDIBILITI DAN MARTABAT APMM AGAR MENJADI SALAH SEBUAH AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM YANG TERBAIK DI DUNIA.

5. SAYA SEDAR BAHAWA TUGAS INI BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH. DALAM MENGHADAPI SENARIO DUNIA TANPA SEMPADAN, TUGAS INI SUDAH TENTU MENJADI SEMAKIN KOMPLEKS. SEMEMANGNYA IA SUATU TUGAS YANG SUKAR. NAMUN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PERLU MEMBENTUK KEYAKINAN DIRI YANG TEBAL DAN JITU. YAKINLAH KEPADA DIRI SENDIRI, BERILAH KEPERCAYAAN DAN KERJASAMA KEPADA KEPIMPINAN NEGARA DAN PUCUK PIMPINAN APMM SENDIRI DALAM MEMBENTUK DAN MENJADIKAN APMM SEBAGAI SATU BADAN YANG DISEGANI DI MATA DUNIA. BERPEGANGLAH KEPADA PERIBAHASA MELAYU ‘SELAGI ADA KEMAHUAN, DI SITU PASTI ADA JALAN’.

6. SAYA JUGA INGIN MENEKANKAN, JANGAN SEKALI-KALI MENJADIKAN USIA APMM SEBAGAI PENGHALANG. WALAUPUN AGENSI INI BARU DITUBUHKAN BERBANDING DENGAN PASUKAN-PASUKAN KESELAMATAN YANG LAIN, TETAPI IA DIPACU DAN DIURUSKAN OLEH KIRA-KIRA 50 PERATUS PEGAWAI DAN ANGGOTA PENGUAT KUASA YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN DI ANTARA 10 KE 35 TAHUN DALAM PELBAGAI BIDANG KEMAHIRAN DI PERKHIDMATAN MEREKA YANG TERDAHULU. DALAM KONTEKS INI, APMM DIIBARATKAN SEPERTI ‘TUNAS MUDA’, SATU ASET BARU KERAJAAN YANG MEMBERI NILAI TINGGI KEPADA RAKYAT. SEKIRANYA KITA IKHLAS, AMANAH, BERSATU PADU DAN BERPEGANG KEPADA DISIPLIN YANG TINGGI, INSYAALLAH TIDAK ADA SEBARANG PERKARA YANG MUSTAHIL.

7. SEMUA INI BUKANLAH ANGAN-ANGAN KOSONG. TUJUH TAHUN LALU, BILA PENUBUHAN APMM DIUMUMKAN, BANYAK PIHAK YANG SINIKAL TERHADAP USAHA MURNI TERSEBUT. DENGAN TREND JENAYAH PELANUNAN DAN ROMPAKAN YANG MEMBIMBANGKAN DAN DENGAN WUJUDNYA JENAYAH RENTAS SEMPADAN, RAMAI DI KALANGAN KITA SENDIRI YANG TIDAK BEGITU YAKIN BAHAWA KADAR JENAYAH ITU DAPAT DIKURANGKAN. TETAPI ALHAMDULILLAH, PADA HARI INI SAYA BOLEH MELIHAT DAN DAPAT MERASAI GELOMBANG PERUBAHAN YANG SEDANG BERLAKU DI DALAM DAN

DI LUAR AGENSI INI.

8. BERKAT PERANCANGAN, KESUNGGUHAN DAN PENGORBANAN SETIAP WARGA APMM, KADAR JENAYAH MARITIM DI SELURUH NEGARA TELAH DAPAT DIKURANGKAN SEBANYAK 16 PERATUS MENERUSI PENGURANGAN JENAYAH 20.2 PERATUS PADA 2006 KEPADA 4.22 PERATUS PADA 2011. STATISTIK INI BERDASARKAN KEPADA 66,678 KALI PEMERIKSAAN DAN 4,832 PENAHANAN BAGI PELBAGAI KES. PENINGKATAN JUMLAH PEMERIKSAAN DAN PENURUNAN JUMLAH PENAHANAN MENUNJUKKAN PENGUATKUASAAN YANG BERKESAN BERJAYA MEMUPUK KESEDARAN UNDANG-UNDANG DAN KESELAMATAN DI KALANGAN PARA PENGGUNA DAN KOMUNITI MARITIM.

9. BERDASARKAN REKOD INTERNATIONAL MARITIME BUREAU (IMB), KEJADIAN PELANUNAN DAN ROMPAKAN YANG MELIBATKAN KAPAL DAGANG DI PERAIRAN NEGARA JELAS TELAH MENURUN. TIADA KES DILAPORKAN BERLAKU PADA 2009 HINGGA 2010, MANAKALA PADA 2011 HANYA DUA KES SAJA YANG DIKESAN BERLAKU. PRESTASI INI MEMBERI KEYAKINAN KEPADA KOMUNITI MARITIM UNTUK MENJALANKAN KEGIATAN DI LAUT DAN SUDAH TENTU IANYA TURUT MEMBANTU MENGGIATKAN LAGI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

10. PADA SEAWAL TAHUN INI PULA, SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA, APMM TELAH BERJAYA MENGGAGALKAN KES-KES SEPERTI PENYELUDUPAN IMIGRAN, PENYELUDUPAN PENDATANG ASING TANPA IZIN DAN PENYELUDUPAN KAYU BAKAU. BAGI SEMUA KES PENYELUDUPAN KHASNYA KES PEMERDAGANGAN ORANG, PATI, DADAH, GANJA, ROKOK, ARAK, PASIR, KAYU BALAK, BAKAU, BARANG KAWALAN DAN DIESEL BERSUBSIDI ADALAH ANTARA SASARAN APMM DALAM MEMERANGI SATU LAGI BENTUK JENAYAH RENTAS SEMPADAN. BERDASARKAN STATISTIK TAHUN 2006 HINGGA JANUARI 2012 SEBANYAK 794 PELBAGAI KES PENYELUDUPAN TELAH DIKENDALIKAN YANG MANA IA TURUT MENGECILKAN JURANG KERUGIAN EKONOMI DI SAMPING DAPAT MENGEKANG IMEJ NEGATIF NEGARA.

11. DARIPADA LAPORAN YANG TELAH DIMAKLUMKAN KEPADA SAYA, DALAM KES PENCEROBOHAN BOT NELAYAN ASING, SEBANYAK 517 TANGKAPAN TELAH BERJAYA DILAKUKAN DENGAN MENGUTIP KIRA-KIRA RM236 JUTA HASIL MENERUSI DENDA NELAYAN ASING, PELUPUSAN VESEL, KOMPAUN DAN LELONGAN IKAN PADA TAHUN 2007 HINGGA 2011. PENGUATKUASAAN YANG BERKESAN INI TURUT MEMPENGARUHI PENINGKATAN STATISTIK PENDARATAN HASIL LAUT IAITU RM4.02 BILION SETAHUN KEPADA RM6.32 BILION SETAHUN PADA 2009.

12. DARI SUDUT MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BANTUAN Mencari dan MENYELAMAT DI LAUT, APMM SENTIASA BERUSAHA MENINGKATKAN TAHAP RESPONSIF AGAR RAKYAT BERASA SELAMAT DAN MENDAPAT BANTUAN YANG DIPERLUKAN DENGAN SEGERA. BERDASARKAN BILANGAN OPERASI SEBANYAK 2,747, JUMLAH NYAWA YANG BERJAYA DISELAMATKAN IALAH 2,182 ATAU 79 PERATUS. MANAKALA, NILAI HARTA BENDA YANG BERJAYA DISELAMATKAN IALAH RM274 JUTA BERSAMAAN 89 PERATUS.

13. SEJAJAR DENGAN PENGIKTIRAFAN SEBAGAI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM TUNGGAL PADA BULAN OGOS 2011 YANG LALU, SAYA PERCAYA APMM AKAN TERUS MENGHADAPI CABARAN TERSENDIRI YANG LEBIH HEBAT DALAM MEMIKUL TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH NEGARA. HARAPAN ATAU EKSPEKTASI MASYARAKAT TERUTAMANYA KOMUNITI MARITIM DARIPADA DALAM MAHUPUN LUAR NEGARA ADALAH AMAT TINGGI.

14. SAYA MEMPUNYAI HARAPAN YANG TINGGI KEPADA PUCUK PIMPINAN APMM UNTUK MEMBAWA PERUBAHAN YANG MENYELURUH KEPADA IMEJ APMM DAN MEMBERI SEMANGAT BARU KEPADA SEMUA ANGGOTANYA. SAYA GEMBIRA APABILA PENGURUSAN TERTINGGI APMM DI BAWAH KEPIMPINAN YANG BERBAHAGIA LAKSAMANA MARITIM DATUK MOHD AMDAN KURISH, MENYAMBUT HARAPAN SAYA INI DENGAN KOMITMEN PELAN PERANCANGAN STRATEGIK MARITIM MALAYSIA 2040 (PPSMM 2040) DAN ELETAKKAN KEUTAMAAN UNTUK MENGUKUHKAN KEMAMPUAN MEMBERI RESPONS KEPADA APA JUA BENTUK PELANGGARAN UNDANG-UNDANG MARITIM DAN KECEMASAN DI LAUT. SAYA PERCAYA KOMITMEN PPSMM 2040 INI LAHIR KERANA KETUA PENGARAHNYA DAN BARISAN KEPIMPINAN APMM AMAT MEMAHAMI APA YANG INGIN DICAPAI OLEH KERAJAAN MENERUSI PENGIKTIRAFAN APMM SEBAGAI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM TUNGGAL NEGARA.

15. BAGI SAYA IMEJ APMM AKAN DAPAT DIANGKAT KE SUATU TAHAP YANG LEBIH TINGGI LAGI JIKA APMM DAPAT MEMENUHI HARAPAN RAKYAT. HARAPAN RAKYAT ITU ADALAH, PERTAMANYA MENGURANGKAN KEJADIAN JENAYAH SEHINGGA RAKYAT MERASA SELAMAT. KEDUA, ANGGOTA APMM SENTIASA MENUNJUKKAN TAHAP PROFESSIONALISME DAN INTEGRITI YANG TINGGI. KETIGA, APABILA APMM DAPAT MENINGKATKAN TAHAP KEPUASAN RAKYAT TERHADAP PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN OLEH ANGGOTA-ANGGOTA PENGUAT KUASA SECARA CEKAP, PANTAS DAN BETUL BUAT KALI PERTAMA DAN SETERUSNYA.

16. MELIHAT KEPADA PERKEMBANGAN APMM HINGGA KE HARI INI, SAYA PERCAYA APMM SEDANG BERGERAK DI LANDASAN YANG BETUL. DI HARI YANG BERSEJARAH INI, SAYA INGIN MEMAKLUMKAN RASA BANGGA SAYA, APMM TELAH MELAKARKAN LAGI SEJARAH DENGAN PENGIKTIRAFAN PUSAT LATIHAN DAN AKADEMI MARITIM MALAYSIA (PLAMM) SEBAGAI INSTITUT LATIHAN YANG DIBERI PENTAULIAHAN DAN AKREDITASI DARI JABATAN LAUT PADA DISEMBER 2011. DENGAN PENTAULIAHAN INI, KURSUS-KURSUS BERKAITAN KEKOMPETENAN DAN MODULAR YANG MEMATUHI KONVENSYEN ANTARABANGSA IAITU STANDARD LATIHAN, PERAKUAN DAN PENGAWASAN ATAU STWC 95 AKAN DILAKSANAKAN DI SINI. IA MERUPAKAN SEBAHAGIAN USAHA AGENSI INI UNTUK MEMASTIKAN KEMAHIRAN DAN KEKOMPETENAN PEGAWAI DAN ANGGOTA MARITIM MALAYSIA DIPERAKU DI PERINGKAT ANTARABANGSA. KURSUS-KURSUS INI JUGA AKAN DITAWARKAN KEPADA WARGA DARI KOMUNITI MARITIM YANG LAIN SELARAS DENGAN STRATEGI LAUT BIRU KERAJAAN UNTUK MEMAKSIMUM PENGGUNAAN SUMBERNYA.

17. KE ARAH MEMANTAPKAN SEBUAH AGENSI YANG BERKUALITI, PUSAT LATIHAN DAN AKADEMI MARITIM MALAYSIA JUGA TELAH MELAKAR SEJARAH SEBAGAI ORGANISASI PERTAMA DI AGENSI INI YANG TELAH DIBERI PERSIJILAN ISO 9001:2008 PADA 14 FEBRUARI 2012 YANG LEPAS. SAYA DIFAHAMKAN, PERSIJILAN ISO INI TELAH MENJADIKAN APMM SEBAGAI SEBUAH AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM YANG PERTAMA DI DUNIA MENDAPAT PERSIJILAN ISO 9001:2008. SYABAS SAYA UCAPKAN.

18. SAYA AMAT KAGUM APABILA MELIHAT KOMPLEKS PUSAT LATIHAN DAN AKADEMI MARITIM MALAYSIA INI YANG TERSERGAM INDAH DAN DILENGKAPI DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN. SAYA YAKIN, PUSAT LATIHAN DAN AKADEMI MARITIM MALAYSIA YANG BARU INI MAMPU MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN MODAL INSAN DAN MELAHIRKAN GENERASI PELAPIS YANG PROFESIONAL. DENGAN KELUASAN 200 EKAR DAN DILENGKAPI DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN SEPERTI ASRAMA, KOLAM RENANG, DEWAN SERBAGUNA, PERPUSTAKAAN, LAPANG SASAR, KUARTERS, MASJID DAN HELIPAD, PLAMM MEMPUNYAI KAPASITI MELATIH 900 PELATIH DALAM SATU MASA. TIDAK HAIRAN JIKA SUATU HARI NANTI, PUSAT LATIHAN INI MUNCUL SEBAGAI PUSAT LATIHAN MARITIM TEMPATAN DAN ANTARABANGSA.

19. PROGRAM TRANSFORMASI APMM AKAN MENERUSKAN PEROLEHAN DAN PENGGANTIAN ASET BAGI MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN PENGUATKUASAAN DAN CARILAMAT. HAMPIR 90 PERATUS ASET TERMASUK KELENGKAPAN DAN 100 PERATUS KEPERLUAN SUMBER MANUSIA DIJANGKA AKAN DAPAT DICAPAI SELEPAS TAHUN 2016.

20. SELAIN ITU, APMM JUGA AKAN MENERUSKAN USAHA MEMPERKASAKAN KERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN AGENSI LUAR NEGARA MENERUSI PELBAGAI PLATFORM PERKONGSIAN MAKLUMAT DAN KEPAKARAN SEPERTI EKSESAIS, LATIHAN, KURSUS, SEMINAR, MESYUARAT DAN LAWATAN. BANYAK KEJAYAAN TELAH DAPAT DICAPAI MENERUSI KERJASAMA SEBEGINI. DI ANTARANYA ADALAH SEPERTI OPERASI APMM DAN TLDM TELAH BERJAYA MENYELAMATKAN KEJADIAN RAMPASAN/ROMPAKAN KAPAL MT NAUTIKA JOHOR BAHRU PADA 27 HINGGA 28 OKT 2011; DAN PENYERAHAN SIJIL AKREDITASI INSTITUSI DAN SIJIL AKREDITASI LATIHAN MARITIM DARI JABATAN LAUT KEPADA APMM. MANAKALA CONTOH KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR NEGARA PULA IALAH DI ANTARA BADAN KOORDINASI DAN KEAMANAN LAUT INDONESIA (BAKORKAMLA) YANG TELAH DIJALIN SEJAK TAHUN 2009, TELAH MENGHASILKAN PERSEFAHAMAN YANG JITU DALAM MENANGANI MASALAH RAMPASAN/PELANUNAN/ ROMPAKAN DI PERSEMPADANAN NEGARA DAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN GARIS PANDUAN BERSAMA TENTANG PELAYANAN TERHADAP NELAYAN YANG DITANDATANGANI PADA 27 JANUARI 2012 DI BALI OLEH MALAYSIA DAN INDONESIA.

21. SAYA BERHARAP APMM DAPAT MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB SELAKU AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM TUNGGAL NEGARA DENGAN BERKESAN. DALAM USAHA MENDOKONG VISI DAN MISI APMM, SEMUA WARGA APMM PERLU BERSATU DAN MEMUPUK ILTIZAM YANG KUKUH.

MODUL KEJAYAAN BAGI KEBANYAKAN ORGANISASI ADALAH BERLANDASKAN KEPADA KEUPAYAAN ASET DAN MODAL INSAN YANG MAPAN.

22. DI PIHAK KERAJAAN PULA, HARAPAN ATAU EXPECTATION KEPADA APMM ADALAH AMAT TINGGI DAN KITA INGIN MEMBUKTIKAN KEPADA MASYARAKAT UMUM BAHAWA KEPUTUSAN KERAJAAN MENUBUHKAN AGENSI INI 7 TAHUN DAHULU BAGI MENGGANTIKAN FUNGSI AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM SEDIA ADA, ADALAH BERTEPATAN DARI SEGI KEBEKERSANAN OPERASI SERTA MENGUNTUNGGAN KERAJAAN DARI SEGI KEWANGANNYA.

23. SEMPENA SAMBUTAN HARI MARITIM MALAYSIA PADA KALI INI, SAYA MENYERU SETIAP LAPISAN WARGA APMM MEMBERI TUMPUAN KEPADA MENINGKATKAN KEUPAYAAN DALAM PELBAGAI ASPEK OPERASI TERMASUK PENGUATKUASAAN YANG CEKAP, RESPONSIF SERTA MENDATANGKAN KESAN DETEREN KHUSUSNYA SIFAR JENAYAH, MENINGKATKAN KETANGKASAN DALAM CARILAMAT, SIASATAN JENAYAH MARITIM, KESIAGAAN PASUKAN TINDAKAN KHAS, RISIKAN TAKTIKAL DAN STRATEGIK, KEBERKESANAN OPERASI UDARA, KESIAGAAN ASET, MENINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN DI PUSAT LATIHAN, MEMPERGIATKAN PELAN PEMBANGUNAN APMM DALAM PEROLEHAN ASET DAN PRASARANA SECARA SISTEMATIK DAN TERATUR, MELAKSANAKAN KEPIMPINAN YANG TERBAIK DI SEMUA PERINGKAT SERTA MEMPUNYAI SENSE OF OWNERSHIP AND RESPONSIBILITY UNTUK MENDUKUNG MISI APMM, MENETAPKAN STANDARD PELAKSANAAN DARI SEMUA PERINGKAT IAITU SUBBORDINATE DARI ASPEK DISIPLIN DIRI, PENONJOLAN IMEJ DAN INTEGRITI, SEKALI GUS MENGAMALKAN BUDAYA HIDUP SIHAT BAGI MENCAPAI KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN WARGA APMM.

SELAMAT MENYAMBUT HARI MARITIM MALAYSIA KE-7.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAHWASSALAMUALAIKUMWARAHMATULLAHIWABARAKATUH.